

Nama: \_\_\_\_\_ Kelas : \_\_\_\_\_

**SULIT**  
**Bahasa Melayu**  
**Kertas 1**  
**Set 1/2003**  
**1 Jam**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN**  
**UJIAN PENCAPAIAN SEKOLAH RENDAH**  
**PORTAL PENDIDIKAN UTUSAN 2003**

**BAHASA MELAYU**  
**Ujian Pemahaman**  
Satu jam

**Arahan Am:**

1. Kertas soalan ini mengandungi 50 soalan.
2. Jawab semua soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja.
4. Fikir dengan teliti ketika memilih jawapan. Jika anda hendak menukar sesuatu jawapan, padamkan sehingga bersih tanda yang tidak dikehendaki itu dan kemudian bulatkan pilihan anda yang baru.

## Soalan 1 hingga Soalan 5

Baca cerita di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Peristiwa Encik Roslan terserempak dengannya di kafe siber di bandar mengundang kemarahan orang tua itu. Rupa-rupanya bukan kali pertama kejadian itu berlaku, malah telah beberapa kali dia ternampak anak sulungnya itu bermain permainan komputer di kafe siber itu. Tetapi dia hanya mendinginkan sahaja kelakuan buruk Rizal.

“Mengapa tak terus balik ke rumah? Membuang masa sahaja, buat kerja yang tidak berfaedah!” Encik Roslan berleter melepaskan geram.

“Sebenarnya saya singgah di kafe siber tu untuk melayari internet ayah. Cikgu suruh kami mencari maklumat tentang tokoh-tokoh negara kita. Di rumah kita mana ada internet,” jelas Rizal.

“Ahh! Itu cuma alasan kau saja. Mengapa tak cuba cari di perpustakaan sekolah? Di rumah ini pun ada banyak buku rujukan,” kata Encik Roslan lagi.

Rizal hanya mendinginkan diri. Dia tahu dia bersalah. Dia sedia menerima hukuman. Tetapi Rizal tidak menyangka ayahnya sanggup menghantarnya ke kampung.

“Kasihlah nenek tinggal seorang diri di kampung. Kalau Ijal tinggal dengan nenek tentu dia seronok. Adalah nenek teman untuk berbual,” Encik Roslan cuba memujuk Rizal agar tinggal bersama-sama dengan ibunya di kampung.

Hidupnya kini begitu membosankan. Di sini tidak ada komputer, tempat yang bernama kafe siber pun tidak wujud, apa lagi restoran makanan segera yang sering dikunjunginya bersama kawan-kawannya ketika tinggal di bandar. Nasib baik Cikgu Fauzi mempelawa Rizal menyertai pasukan bola sepak sekolah. Minggu hadapan akan diadakan perlawanan bola sepak. Dia bakal *menyarung jersi* sekolahnya.

1. Tujuan utama Encik Roslan menghantar Rizal ke kampung adalah untuk...
  - A. menenangkan nenek Rizal yang tinggal keseorangan.
  - B. memungkinan Rizal menyertai pasukan bola sepak sekolahnya.
  - C. mengubah sikap buruk Rizal yang suka membuang masa.
  - D. membiarkan Rizal hidup susah.
2. Mengapakah Rizal berasa bosan tinggal di kampung neneknya?
  - A. Neneknya tidak membenarkannya menggunakan komputer di rumah.
  - B. Rizal rindu akan keluarganya yang tinggal di bandar.
  - C. Rizal kesunyian kerana tidak ada orang yang mahu berkawan dengannya.
  - D. Tidak ada tempat-tempat yang sering dikunjunginya seperti di bandar.
3. Apakah kegiatan yang mungkin dilakukan oleh Rizal di kampung neneknya?
  - A. melepak dengan kawan-kawannya di kafe siber
  - B. bermain bola sepak dengan kawan-kawan sekolahnya
  - C. bermain permainan video dan komputer di rumah
  - D. menghabiskan masa lapangnya di restoran makanan segera

4. Pernyataan berikut benar mengenai petikan **kecuali**...
- Rizal menggunakan komputer untuk tujuan hiburan semata-mata.
  - Rizal dimarahi oleh ayahnya kerana suka membuang masa.
  - Rizal tidak suka tinggal di kampung neneknya.
  - Rizal seorang yang kaki bangku.
5. Rangkaian kata *menyarung jersi* dalam petikan bermaksud...
- memakai pakaian baru
  - mengenakan baju sukan
  - menganggotai pasukan
  - menjadi pilihan

### Soalan 6 hingga Soalan 10

Lihat jadual di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

#### Jadual Tugas Anggota Pengakap Pada Hari Sukan Sekolah

Kumpulan	Nama	Masa	Tugasan
1	Ahmad Idham Muniandy Kamarulzaman Ah Chong	8.00 pagi – 10.30 pagi	Menjaga tempat letak kenderaan
2	Sarimah Leelasari Jenny Yeoh Vanida	10.30 – 11.00 pagi	Membawa bungkusan makanan dan minuman ke khemah penonton
3	Rizal Suresh Halim	9.00 pagi – 5.00 petang	Menjaga papan markah
4	Harjit Singh Jamal Munir	2.00 – 3.00 petang	Mengangkut peralatan sukan ke padang
5	Suhaimi Foo Ah Tatt Yusnita	9.00 pagi – 4.30 petang	Membantu anggota Bulan Sabit Merah memberikan bantuan kecemasan

6. Berapa orang anggota pengakapkah yang bertugas pada Hari Sukan tersebut?
  - A. 16 orang
  - B. 17 orang
  - C. 18 orang
  - D. 19 orang
  
7. Siapakah yang mungkin mempunyai pengetahuan tentang cara-cara merawat pesakit?
  - A. Harjit Singh
  - B. Ahmad Idham
  - C. Halim
  - D. Yusnita
  
8. Kumpulan manakah yang bertugas paling lama?
  - A. Kumpulan 1
  - B. Kumpulan 3
  - C. Kumpulan 4
  - D. Kumpulan 5
  
9. Pada pendapat anda, apakah yang mungkin berlaku jika anggota pengakap daripada Kumpulan 3 tidak menjalankan tugasnya dengan baik?
  - A. acara sukan mungkin tidak dapat dijalankan
  - B. banyak peserta akan mengalami kecederaan
  - C. keputusan yang tepat tidak dapat diperolehi
  - D. para penonton merungut kerana tidak mendapat makanan
  
10. Pilih pernyataan yang tidak benar.
  - A. Kumpulan 1 memulakan tugas lebih awal daripada kumpulan-kumpulan yang lain.
  - B. Kumpulan 3 perlu bersikap adil dalam menjalankan tugas mereka.
  - C. Tempoh bertugas Kumpulan 4 ialah satu jam.
  - D. Kumpulan 5 merupakan kumpulan yang paling lewat menamatkan tugas mereka.\*

### **Soalan 11 hingga Soalan 15**

*Baca ucapan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

Yang dihormati Tuan Pengerusi Majlis, Yang Berbahagia Tuan Yang Dipertua PIBG, Encik Mahalim bin Osman, Yang Berusaha Tuan Guru Besar Sekolah Kebangsaan Sri Penaga, Encik Mohd. Zahari bin Ayob, guru-guru, murid-murid yang dikasihi seterusnya ibu bapa dan para hadirin sekalian.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak sekolah kerana sudi mengundang saya untuk merasmikan Temasya Sukan Tahunan Sekolah yang ke-10.

Saya ingin mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan syabas kepada semua pihak yang terlibat menjayakan kejohanan sukan tahunan ini. Sekali lagi murid-murid, guru-guru dan kakitangan am di sekolah ini dapat berinteraksi dan beradu tenaga dalam acara-acara sukan yang dipertandingkan nanti. Saya berharap semua peserta akan dapat menunjukkan prestasi yang cemerlang dan semangat kesukanan yang tinggi.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Saya yakin bahawa semua peserta akan lebih bersemangat dengan kehadiran ibu bapa dan masyarakat setempat yang datang untuk memeriahkan kejohanan sukan ini. Walaupun sibuk dengan pelbagai tugas dan urusan harian, namun mereka tetap menyokong sebarang kegiatan sukan yang diadakan di sekolah ini.

Saya berharap agar murid-murid di sekolah ini terus maju dalam bidang sukan dan juga mencapai kualiti pendidikan yang membanggakan. Kita mahu kedua-dua bidang ini bergerak seiringan. Ingatlah, *otak yang cerdas ada pada badan yang cergas*. Kepada semua peserta sukan saya ucapkan selamat maju jaya.

Sehubungan dengan itu, dengan sukacitanya saya merasmikan "Kejohanan Sukan Tahunan Sekolah Kebangsaan Sri Penaga Kali yang ke-10". Akhir sekali, Majulah Sukan Untuk Semua.

Sekian, wasalam.

11. Siapakah yang mungkin menyampaikan ucapan tersebut?
  - A. Guru Besar
  - B. Yang Dipertua PIBG
  - C. Ketua Murid
  - D. Pegawai Pendidikan Daerah
  
12. Petikan tadi merupakan...
  - A. syarahan tentang semangat kesukanan.
  - B. ucapan perasmian bersempena dengan kejohanan sukan tahunan.
  - C. perbahasan tentang kepentingan bersukan di kalangan masyarakat.
  - D. ceramah tentang sambutan sukan tahunan.
  
13. Yang berikut merupakan nilai murni yang lazimnya dapat diterapkan melalui temasya sukan **kecuali**...
  - A. kerjasama berpasukan.
  - B. perasaan bangga diri.
  - C. persaingan yang sihat.
  - D. mengeratkan hubungan

14. Apakah yang dimaksudkan oleh rangkaian kata-kata *otak yang cerdas ada pada badan yang cergas*?
- A. faktor kesihatan mempengaruhi kecerdikan seseorang
  - B. orang yang waras fikirannya akan sentiasa menjaga kesihatan diri
  - C. kecerdasan dan kesihatan diri perlu dititikberatkan oleh setiap individu
  - D. badan memerlukan otak yang cerdas untuk menjadi sihat
15. Pernyataan yang berikut benar tentang petikan tadi **kecuali**...
- A. Sekolah Kebangsaan Sri Penaga telah banyak kali mengadakan temasya sukan tahunan.
  - B. Temasya sukan itu hanya melibatkan penyertaan murid-murid sekolah sahaja.
  - C. Penduduk setempat turut memeriahkan temasya sukan tahunan tersebut.
  - D. Encik Mohd. Zahari bin Ayob merupakan Guru Besar Sekolah Kebangsaan Sri Penaga.

### Soalan 16 hingga Soalan 20

Baca rencana di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Semenjak Februari 2003, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah melaporkan perihai merebaknya penyakit radang paru-paru atau *pneumonia* di wilayah Guangdong di China, Hanoi, dan Hong Kong.

Semenjak itu, beberapa kes yang serupa telah dilaporkan berlaku di beberapa buah negara. Penyakit *pneumonia* kini dikenal sebagai *Severe Acute Respiratory Syndrome* (SARS) atau Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk. Penyakit ini dikenal pasti menunjukkan kesan-kesan seperti demam selesema dengan panas sehingga suhu badan  $38.5^{\circ}\text{C}$ , sakit-sakit otot, sakit kerongkong, batuk dan pening kepala diikuti dengan kesukaran bernafas dan serangan radang paru-paru yang boleh membawa maut. Pakar kesihatan mengatakan bahawa wabak itu mula menunjukkan kesan antara dua hingga tujuh hari, manakala tiga hingga lima hari akan memperlihatkan kesan teruk.

SARS kini dianggap satu penyakit baru abad ke-21 apabila penyakit yang tidak dapat dikenal pasti puncanya itu terus membunuh lebih ramai mangsa. Sehingga kini Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyenaraikan 23 negara mencatat kes SARS manakala negara yang dijangkiti adalah lapan, iaitu China, Taiwan, Vietnam, Hong Kong, Singapura, Kanada, Amerika Syarikat dan United Kingdom.

Virus SARS boleh merebak menerusi bersin, batuk dan bawaan angin dalam jarak antara satu meter. Virus ini juga merebak secara tidak langsung dan boleh hidup di luar badan manusia dalam tempoh tiga hingga enam jam. Apabila seseorang menyentuh tempat yang ada virus berkenaan seperti penggunaan telefon, virus ini boleh merebak menerusi mulut dan hidung.

Pada masa ini, tiada terdapat sebarang rawatan yang khusus untuk menyembuhkan penyakit ini tetapi doktor di seluruh dunia cuba merawatnya dengan dadah anti-virus serta penggunaan steroid. Walau bagaimana pun jika pesakit dirawat pada peringkat awal, pesakit tersebut mungkin dapat disembuhkan.

16. Mengapakah SARS dianggap sebagai suatu penyakit yang berbahaya?
  - A. mula dikesan di wilayah Guangdong, China
  - B. menyebabkan penghidapnya mengalami demam dan sakit-sakit otot
  - C. pesakit yang menghidapi penyakit ini berisiko menghadapi kematian
  - D. penyakit ini hanya boleh dirawat dengan kaedah tertentu sahaja
  
17. Yang berikut merupakan kesan-kesan yang ditunjukkan apabila seseorang itu mengalami SARS **kecuali**...
  - A. demam selesema.
  - B. sakit-sakit otot.
  - C. batuk-batuk.
  - D. sakit perut.
  
18. Pada pendapat anda, kegiatan ekonomi yang paling terjejas sebagai akibat wabak SARS ialah..
  - A. pertanian.
  - B. pelancongan.
  - C. perindustrian.
  - D. perikanan.
  
19. Apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh pesakit SARS jika ingin sembuh daripada penyakit tersebut?
  - A. mendapatkan rawatan secara tradisional di China
  - B. berehat daripada melakukan kegiatan-kegiatan lasak
  - C. makan makanan yang berkhasiat dan ubat-ubatan herba
  - D. segera mendapatkan rawatan awal jika mengesyaki diri dijangkiti SARS
  
20. Pernyataan yang berikut benar mengenai petikan **kecuali**...
  - A. SARS merupakan penyakit yang boleh membawa maut.
  - B. Wabak SARS boleh merebak melalui udara dan sentuhan.
  - C. Virus SARS boleh hidup di luar badan manusia dalam tempoh tiga hingga lima hari.
  - D. Usaha mencari penawar bagi penyakit ini masih giat dijalankan.

**Soalan 21 hingga Soalan 32**

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisiikan ke tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

21. Api \_\_\_\_\_ dengan cepat menyebabkan seluruh kawasan kebun kelapa sawit itu musnah terbakar.
- A. naik
  - B. besar
  - C. marak
  - D. panas
22. Pemuda-pemuda itu lari \_\_\_\_\_ apabila dihampiri oleh sepasukan anggota polis.
- A. bertaburan
  - B. bertempiraran
  - C. berselerakan
  - D. berkeliaran
23. Lagu nyanyian Sudirman masih \_\_\_\_\_ ramai walaupun beliau sudah lama meninggal dunia.
- A. dihayati
  - B. dihormati
  - C. diminati
  - D. didengari
24. Lelaki itu ditahan pihak polis kerana tidak mempunyai \_\_\_\_\_ diri yang sah.
- A. kenalan
  - B. berkenalan
  - C. dikenali
  - D. pengenalan
25. Latihan sukan pada petang ini akan dibatalkan \_\_\_\_\_ hujan lebat .
- A. kecuali
  - B. apabila
  - C. setelah
  - D. sekiranya

26. Encik Jalil menjalankan perniagaan kedai runcit secara kecil-kecilan.  
\_\_\_\_\_ dia juga menjadi ejen insurans secara sambilan.
- A. Begitu juga
  - B. Tambahan pula
  - C. Di samping itu
  - C. Kalau begitu
27. Lakonan \_\_\_\_\_ itu sungguh menyayat hati para penonton.
- A. biduan
  - B. hartawan
  - C. seniman
  - D. budiman
28. \_\_\_\_\_ menunggu guru masuk, murid-murid membersihkan bilik darjah mereka.
- A. Setelah
  - B. Kecuali
  - C. Sementara
  - D. Di samping itu
29. Orang ramai \_\_\_\_\_ untuk bersalaman dengan pembesar negeri.
- A. tarik-menarik
  - B. tolak-menolak
  - C. kacau-bilau
  - D. tersipu-sipu
30. Padi di sawahnya berwarna \_\_\_\_\_ apabila disinari cahaya matahari.
- A. meliuk-liuk
  - B. keemas-emasan
  - C. berseri-seri
  - D. berkilau-kilauan
31. Hasnah lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan kerana dia tidak \_\_\_\_\_ untuk bertanya kepada gurunya.
- A. ringan tulang
  - B. berat tulang
  - C. berat mulut
  - D. berat hati

32. Semua orang tidak tahan dengan sikap Daud yang \_\_\_\_\_ itu.  
Keputusan yang diambilnya sering berubah-ubah.
- A. kepala angin
  - B. ringan mulut
  - C. mulut murai
  - D. hisap darah

**Soalan 33 dan Soalan 34**

*Pilih perkataan **seerti** bagi perkataan yang bergaris.*

33. Orang tua itu tinggal bersendirian kerana tidak mahu menyusahkan anak-anaknya.
- A. menanggung
  - B. membebankan
  - C. menyakitkan
  - D. mengganggu
34. Pertahanan negara itu sungguh kukuh sehingga tidak dapat ditembusi musuh.
- A. kuat
  - B. lembap
  - C. lengkap
  - D. lasak

**Soalan 35 dan Soalan 36**

*Pilih perkataan **berlawan** bagi perkataan yang bergaris.*

35. Matlamat utama kerajaan adalah untuk membasmi kemiskinan.
- A. menghalang
  - B. menggalak
  - C. menjauhi
  - D. mengatasi
36. Setelah sekian lama berada di rantauan, akhirnya perantau itu pulang ke kampung halaman.
- A. pelayar
  - B. pengembara
  - C. penghuni
  - D. pelaut

### Soalan 37 dan Soalan 38

Pilih **penjodoh bilangan** yang paling sesuai untuk diisikan di tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

37. Ananda memerlukan dua \_\_\_\_\_ filem dan se \_\_\_\_\_ kamera ke dalam begnya sebelum pergi berkelah.
- A. gelung ... helai
  - B. gulung ... buah
  - C. gelung ... biji
  - D. keping ... butir
38. Pertandingan bahas itu disertai lapan \_\_\_\_\_ yang mewakili sekolah-sekolah di daerah ini.
- A. orang
  - B. barisan
  - C. kumpulan
  - D. pasukan

### Soalan 39 dan Soalan 40

Pilih **jawapan** yang paling sesuai kepada **soalan yang bergaris**.

39. Bilakah majlis perasmian itu akan dimulakan?
- A. Majlis itu akan diadakan tidak lama lagi.
  - B. Tuan Pegawai Daerah akan merasmikan majlis itu.
  - C. Para jemputan dan tetamu khas sudah hadir.
  - D. Majlis perasmian itu akan dimulakan dengan bacaan doa.
40. Apakah mercu tanda yang terdapat di Kuala Selangor?
- A. Banyak tempat yang bersejarah di Kuala Selangor.
  - B. Taman kelip-kelip menjadi destinasi pelancongan di Kuala Selangor.
  - C. Pasti Bukit Melawati yang terkenal sebagai tempat bersejarah di Kuala Selangor.
  - D. Ramai pelancong yang melawat ke Kuala Selangor.

### Soalan 41 dan Soalan 42

Pilih soalan yang paling sesuai bagi jawapan yang bergaris.

41. Cerpen yang menarik itu dikarang oleh Lia Edora.
- A. Benarkah cerpen itu karangan Lia Edora?
  - B. Apakah keistimewaan cerpen karangan Lia Edora?
  - C. Mengapakah cerpen Lia Edora menarik ?
  - D. Siapakah pengarang cerpen itu?
42. Chef Ani menggunakan rempah-ratus untuk melazatkan masakannya.
- A. Bagaimanakah Chef Ani memasak makanannya?
  - B. Apakah rahsia kelazatan masakan Chef Ani ?
  - C. Di manakah Chef Ani mendapatkan rempah-ratus itu?
  - D. Apakah kegunaan rempat-ratus?

### Soalan 43 dan Soalan 44

Pilih ayat yang menggunakan **tanda baca dengan betul**.

43. A. Suraya bertemu dengan kawan lamanya Hasni di hentian bas Puduraya.  
B. Suraya bertemu dengan kawan lamanya, Hasni di hentian bas puduraya.  
C. Suraya bertemu dengan kawan lamanya, Hasni di Hentian Bas Puduraya.  
D. Suraya bertemu dengan kawan lamanya Hasni, di Hentian Bas Puduraya.
44. A. "Pesta buku itu hanya tinggal sehari saja lagi, kamu hendak ke sana, Man?" tanya Dahlan.  
B. "Pesta buku itu hanya tinggal sehari saja lagi. Kamu hendak ke sana, Man?" tanya Dahlan.  
C. "Pesta buku itu hanya tinggal sehari saja lagi. Kamu hendak ke sana Man?" tanya Dahlan.  
D. "Pesta buku itu, hanya tinggal sehari saja lagi. Kamu hendak ke sana, Man ?" tanya Dahlan.

### Soalan 45 dan Soalan 46

Pilih ayat yang **sama maksud** dengan **ayat yang bergaris**.

45. Setiap kenderaan dikehendaki memberikan laluan kepada kenderaan bomba, polis dan ambulans semasa berlaku kecemasan.
- A. Apabila berlaku kecemasan, kenderaan bomba, polis, dan ambulans hendaklah memberi laluan kepada setiap kenderaan.
  - B. Memberi laluan oleh setiap kenderaan kepada kenderaan bomba, polis dan ambulans jika berlaku kecemasan.
  - C. Kenderaan bomba, polis dan ambulans hendaklah diberi laluan oleh setiap kenderaan ketika berlaku kecemasan.
  - D. Setiap kenderaan hendaklah memberikan laluan kepada kenderaan bomba, polis dan ambulans yang kecemasan
46. “Datanglah ke majlis ulang tahun kelahiran saya nanti,” kata Nurul Ain kepada kawan-kawannya.
- A. Nurul Ain memberitahu kawan-kawannya bahawa dia akan mengadakan majlis ulang tahun kelahirannya.
  - B. Nurul Ain dan kawan-kawannya dijemput ke majlis ulang tahun kelahirannya.
  - C. Nurul Ain menjemput kawan-kawannya ke majlis ulang tahun kelahirannya.
  - D. Nurul Ain menyatakan bahawa kawan-kawannya diundang ke majlis ulang tahun kelahirannya.

### Soalan 47 dan Soalan 48

Pilih **ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul**.

47. I Matanya sakit apabila terkena kilat cahaya matahari.  
II Derma kilat itu dijalankan bagi membantu mangsa banjir.  
III Berselera sungguh adik makan sehingga kilat pinggangnya.  
IV Bapa mengilap kasut kerjanya sehingga kilat.
- A. I dan II sahaja
  - B. II dan IV sahaja
  - C. I, II dan III sahaja
  - D. II, III dan IV sahaja

48. I Nona tersenyum meleset apabila dipuji.  
II Ekonomi negara yang meleset suatu ketika dulu kini kembali pulih.  
III Peserta kuiz itu gagal memenangi hadiah apabila jawapan yang diberikan meleset.  
IV Mukanya pucat meleset setelah diserang penyakit ganjil.
- A. I dan II sahaja  
B. I dan III sahaja  
C. II, III dan IV sahaja  
D. I, II, III dan IV

**Soalan 49 dan Soalan 50**

*Pilih ayat yang betul.*

49. I Cikgu Yusni mengajar di sekolah kami sejak tiga tahun yang lalu.  
II Datin Maria membeli beberapa kuntum bunga ros semasa melawat Cameron Highlands.  
III Perahu Pak Ali terhuyung-hayang dipukul oleh ombak besar.  
IV Rumah saya diletakkan berhadapan dengan masjid.
- A. I dan II sahaja  
B. III dan IV sahaja  
C. I, II dan III sahaja  
D. II, III dan IV sahaja
50. I Amin menulis sajaknya dengan pen berdakwat yang biru.  
II Semua kenang-kenangan manis di sekolah dulu masih segar dalam ingatan.  
III Johari tidak lulus dalam peperiksaan akhir semester.  
IV Dodol ialah sejenis kuih tradisional Melayu yang masih digemari.
- A. I dan II sahaja  
B. III dan IV sahaja  
C. I, II dan III sahaja  
D. I, II, III dan IV

**KERTAS SOALAN TAMAT**